

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (31)

Tarikh: 27 November 2020

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2020
PERUNTUKAN KHAS UNIVERSITI KEPADA PERSATUAN KEBAJIKAN DAN
KESEJAHTERAAN STAF (SEJAHTERA) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
UNTUK MELAKSANAKAN AKTIVITI SOSIAL, KEBAJIKAN DAN SUKAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2020 Peruntukan Khas Universiti Kepada Persatuan Kebajikan Dan Kesejahteraan Staf (SEJAHTERA) Universiti Malaysia Pahang Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan dan Sukan untuk makluman dan tindakan Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2020

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

Prof. Dato Sri/ Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

PERUNTUKAN KHAS UNIVERSITI KEPADA PERSATUAN KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN STAF (SEJAHTERA) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG UNTUK MELAKSANAKAN AKTIVITI SOSIAL, KEBAJIKAN DAN SUKAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang peraturan dan kadar baru peruntukan khas Universiti kepada Persatuan Kebajikan Dan Kesejahteraan Staf (SEJAHTERA) Universiti Malaysia Pahang bagi melaksanakan aktiviti sosial, kebajikan dan sukan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Bagi mengelakkan Persatuan mendapatkan sumbangan atau tajaan dari sektor swasta, Universiti bersetuju untuk menyediakan peruntukan khas tertakluk kepada kadar dan syarat yang ditetapkan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan WP8.1 Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab Kebajikan Dan Sukan;

2.2 Kelulusan Universiti berkaitan peruntukan khas ini adalah seperti berikut:

- (i) Mesyuarat JKPU Kali Ke-121 Bilangan 6/2019 pada 12 September 2019;
- (ii) Mesyuarat JKPU Ke-139 Bilangan 15/2020 pada 8 Oktober 2020; dan
- (iii) Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Ke 46 Bil 4 Tahun 2020.

3.0 PERATURAN PERUNTUKAN KHAS

3.1 Persatuan Kebajikan Dan Kesejahteraan Staf (SEJAHTERA) Universiti Malaysia Pahang (No Pendaftaran: PPM-011-06-08102019) yang ditubuhkan pada 8 Oktober 2019 layak menerima peruntukan khas Universiti untuk melaksanakan aktiviti sosial, sukan dan kebajikan bagi ahlinya.

3.2 Kadar dan syarat pengeluaran peruntukan khas adalah seperti berikut:

(i) **Sumbangan Asas**

Sumbangan asas sebanyak RM10 seorang ahli setahun.

(ii) **Matching Grant**

Matching Grant bagi setiap ringgit yuran bulanan yang dibayar oleh ahli maksimum RM20 setiap ahli setahun.

(iii) **Syarat**

- (a) Persatuan telah berdaftar dan ahli membayar yuran; dan
- (b) bagi anggota yang menjadi ahli lebih daripada satu persatuan/kelab, sumbangan hanya diberikan kepada Persatuan Kebajikan Dan Kesejahteraan Staf (SEJAHTERA).

(iv) **Kaedah Tuntutan**

- (a) bagi sumbangan asas bayaran akan dibuat pada awal tahun berasaskan jumlah ahli dari peruntukan Universiti; dan
- (b) *matching grant* akan diberi berdasarkan bukti bayaran seperti dalam akaun kewangan yang telah diaudit.

3.3 Semua permohonan tuntutan hendaklah melalui Jabatan Bendahari. Jabatan Bendahari hendaklah memastikan peruntukan disediakan melalui belanjawan tahunan; dan

3.4 Dengan peruntukan khas yang disediakan oleh Universiti, Persatuan tidak seharusnya meminta sumbangan atau tajaan daripada sektor swasta.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai Jumaat, 27 November 2020.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 27 November 2020.

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Pegawai Undang-Undang